



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI JOHOR 2018**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR
TAHUN 2018 SIRI 2**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi pula merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, laporan hendaklah dikemukakan kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Johor bagi memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Johor.
3. LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Johor Tahun 2018 setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah

dibentangkan di Dewan Rakyat pada 4 November 2019. Manakala LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 Siri 2 pula setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2019. Seterusnya, kedua-dua laporan ini setelah mendapat perkenan DYMM Sultan Johor telah dibentangkan di Dewan Negeri Johor pada 10 September 2020.

4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018

4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- (a) Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.
- (b) Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 telah meningkat sejumlah RM39.60 juta,

atau 1.6% menjadi RM2.464 bilion pada tahun 2018 berbanding RM2.424 bilion pada tahun 2017.

- (c) Baki Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM3.60 juta menjadi RM1.126 bilion berbanding RM1.123 bilion pada tahun 2017. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan lebih berjumlah RM5.25 juta berbanding lebih RM5.27 juta yang diperoleh pada tahun 2017.

4.1.3. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- (a) Mengikut Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- (b) Setakat 31 Ogos 2019, berdasarkan 30 Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2018, sebanyak 18 agensi telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit sebelum atau pada 31 Mei 2019. Sebanyak enam (6) agensi pula telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan. Enam (6) agensi masih belum mengemukakan penyata kewangan.

- (c) Pada tarikh laporan disediakan, sebanyak lima (5) penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah disahkan. Kesemua lima (5) penyata kewangan agensi telah diberi Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran.

4.2. LKAN Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 Siri 2

- (a) Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- (b) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 ini, sebanyak dua (2) pengauditan prestasi dan satu (1) pengauditan pengurusan syarikat telah dilaksanakan. Pengauditan prestasi melibatkan Pengurusan Kwarters di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Pengurusan Program Pembangunan Industri Ruminan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor. Manakala pengauditan pengurusan syarikat pula melibatkan Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB).

- (c) Bagi pengauditan terhadap Pengurusan Kwarters Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, objektif menyediakan kemudahan kwarters yang sesuai kepada penjawat awam masih belum dicapai sepenuhnya. Perkara ini disebabkan terdapat kwarters rosak yang tidak dibaikpulih untuk diduduki. Selain itu, jumlah kwarters sedia ada tidak mencukupi menyebabkan banyak permohonan untuk menduduki kwarters terpaksa ditolak. Pengurusan dan penyenggaraan kwarters juga tidak cekap kerana tidak dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuat kuasa di samping kelemahan dalam proses pemantauan pengurusan kwarters.
- (d) Bagi Pengurusan Program Pembangunan Industri Ruminan pula, dapat dirumuskan objektif program ini masih belum dicapai sepenuhnya. Antara faktor yang menyebabkan objektif tidak dapat dicapai ialah agihan ternakan kepada peserta di bawah PPR (Ruminan) yang semakin menurun setiap tahun dari tahun 2016 hingga 2018. Selain itu, program juga tidak diuruskan dengan cekap khususnya bagi PPR (Ruminan) kerana wujud kelemahan dalam aspek pemilihan peserta, proses agihan ternakan dan penamatan Surat Aku Janji.
- (e) Pengauditan terhadap PUJB pula mendapati objektif penubuhan telah dicapai. Bagaimanapun, amalan terbaik tadbir urus oleh PUJB adalah kurang memuaskan. Hal ini kerana PUJB masih belum melaksanakan amalan terbaik berkaitan Lembaga Pengarah, penyediaan SOP dan Pelan Strategik serta pelaksanaan fungsi Audit Dalaman. Berdasarkan aktiviti utama program keusahawanan yang diaudit, didapati PUJB telah membantu usahawan

meningkatkan hasil jualan usahawan. Kedudukan kewangan PUJB menunjukkan syarikat berada pada kedudukan stabil.

5. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan tujuh (7) syor terhadap penyata kewangan dan 13 syor terhadap aktiviti jabatan dan pengurusan syarikat kerajaan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

6. Dua (2) jilid LKAN Johor Tahun 2018 telah dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Negeri Johor pada 10 September 2020. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 10 September 2020. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
10 September 2020